

**PENGIJRAHAN MASYARAKAT MELAYU
KE KERIAN, PERAK, 1816-1941**

oleh

**SITI NOOR HAFIZAH
BINTI MOHAMED SHARIF**

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

Mac 2019

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah kurniaNya, maka dapatlah penulis menyiapkan tesis untuk memenuhi keperluan bagi Ijazah Doktor Falsafah ini. Di kesempatan ini, penulis dengan penuh rasa hormat dan tulus ikhlas merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr. Nazarudin bin Zainun selaku penyelia kajian. Beliau telah banyak menyumbang masa, tenaga dan idea sepanjang tempoh penulis menyiapkan tesis ini. Tanpa sokongan dan bantuan daripada beliau, sudah tentu tesis ini tidak dapat disiapkan dengan sebaiknya.

Penulis juga berterima kasih kepada semua pensyarah Bahagian Sejarah, Universiti Sains Malaysia iaitu Profesor Dato' Abu Talib Ahmad, Profesor Datin Mahani Musa, Profesor Ooi Keat Gin, Dr. Azmi Arifin, Dr. Muhamad Hasrul Zakariah, Dr. Nik Haslinda Nik Hussain dan Puan Thilagavathi Vasudevan. Tidak dilupakan juga, ucapan terima kasih turut dirakamkan buat bekas pensyarah Bahagian Sejarah, Universiti Sains Malaysia iaitu Profesor Madya Abdul Rahman Haji Ismail. Ucapan terima kasih juga turut dirakamkan buat Profesor Wang Gung Wu, kerana kesudian beliau membalas emel penulis dan sudi memberikan maklum balas beliau berkenaan pemilihan tajuk oleh penulis pada peringkat awal penulis ingin menyambung pengajian ke peringkat Ijazah Doktor Falsafah ini. Kesudian beliau membalas emel penulis telah memberi motivasi kepada penulis. Seterusnya, terima kasih juga diucapkan kepada semua kakitangan Perpustakaan Universiti Sains Malaysia dan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan Universiti Sains Malaysia, Arkib Negara Malaysia, Malaysia, Perpustakaan Negara dan Muzium Taiping di atas kerjasama dan bantuan yang diberikan sepanjang penulis menyiapkan kajian ini. Penulis juga ingin merakamkan penghargaan kepada Kementerian Pendidikan Tinggi kerana sudi

membiasai pengajian penulis pada peringkat Ijazah Doktor Falsafah ini melalui program Mybrain15.

Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga buat suami tercinta, Mat Kasri bin Mat Kassim di atas sokongan dan dorongan beliau sepanjang penulis menyiapkan tesis ini. Kata-kata motivasi, pertolongan dan pengertian daripada beliau amatlah penulis hargai. Terima kasih dan penghargaan juga diberikan kepada anakanda tersayang, Nur Qurratu'ain Zahra binti Mat Kasri. Buat bonda tercinta, Melah Binti Ali, terima kasih yang tidak terhingga untuk doa, restu dan bantuan yang diberikan. Buat arwah ayahanda Mahmod Zahidin bin Abdullah, kejayaan ini pasti lebih bermakna sekiranya beliau masih di sisi. Seterusnya, ucapan terima kasih juga buat semua ahli keluarga penulis, iaitu Muhamad Anas bin Mahmod Zahidin, Muhammad Noor Firdaus bin Mohamed Sharif, Rohaizah binti Abdul Raof, Jariah binti Said dan lain-lain yang namanya tidak disebutkan namun sentiasa dekat di hati penulis.

*Siti Noor Hafizah binti Mohamed Sharif
Universiti Sains Malaysia
Mac 2019*

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI GRAF	ix
SENARAI PETA	x
SENARAI UKURAN	xi
LAMPIRAN	xii
ABSTRAK	xiii
ABSTRACT	xv
BAB 1 - PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Tinjauan Literatur	13
1.3 Permasalahan Kajian	30
1.4 Objektif Kajian	33
1.5 Skop Kajian	33
1.6 Signifikan Kajian	39
1.7 Metodologi Kajian	41
1.8 Susunan Bab	45
BAB 2 - ASPEK POLITIK DAN SOSIOEKONOMI PERAK SERTA ASPEK PENGHIJRAHANNYA SEBELUM PENJAJAHAN BRITISH (SEHINGGA TAHUN 1873)	
2.1 Perkembangan Perak sebagai Sebuah Entiti Politik	48
2.2 Ekonomi Perak	58

2.3	Kerian: Wilayah Sempadan Perak dan Kedah	69
2.4	Pentadbiran Politik dan Ekonomi di Kerian	76
2.5	Penghijrahan dan Sosioekonomi Kerian, Awal Kurun Ke-19 hingga Tahun 1873	83
BAB 3 - PENJAJAHAN BRITISH DAN PENGHIJRAHAN MELAYU KE KERIAN, PERAK, 1874 HINGGA 1905		
3.1	Pengenalan	112
3.2	Pembaharuan-pembaharuan di bawah Pentadbiran British	114
3.3	Pertumbuhan Populasi di Kerian	127
3.4	Melayu “asing” sebagai Penggerak Penanaman Padi di Kerian	139
BAB 4 - RANCANGAN PENGAIRAN KERIAN: IMPLIKASINYA KE ATAS PENGHIJRAHAN, 1906-1941		
4.1	Pengenalan	179
4.2	Pertumbuhan Populasi Penduduk Melayu di Perak	182
4.3	Mengapa Berhijrah Keluar dari Kepulauan Indonesia?	198
4.4	Rancangan Pengairan Kerian: Faktor Penarik Penghijrahan Masuk ke Kerian	210
4.5	Penghijrahan Masyarakat Banjar di Kerian	220
4.6	Kelangsungan Penghijrahan Melayu dari Negeri-Negeri Semenanjung Tanah Melayu ke Kerian	236
BAB 5 - CABARAN YANG DIHADAPI PENGHIJRAH MELAYU DI KERIAN DARI ASPEK SOSIOEKONOMI		
5.1	Pengenalan	246
5.2	<i>The Krian Irrigation Enactment, 1905</i>	248
5.3	Harga Padi yang Rendah	283

5.4	Kehilangan Tanah dan Hutang	293
5.5	Masyarakat Melayu Malas dan Tidak Komersial dalam Ekonomi?	318
BAB 6 - KESIMPULAN		338
BIBLIOGRAFI		348

SENARAI JADUAL

		Halaman
Jadual 3.1	Populasi Penduduk Melayu dan Cina di Daerah Kerian, 1879 dan 1889	136
Jadual 3.2	Peningkatan Populasi Masyarakat Melayu di Kerian bagi Tahun 1890	137
Jadual 3.3	Peningkatan Masyarakat Melayu Mengikut daerah di Perak, 1879 dan 1890	153
Jadual 3.4	Perdagangan Beras dan Padi di Kerian, 1885-1898	161
Jadual 3.5	Jumlah Eksport Beras di Kerian, 1891-1898	163
Jadual 3.6	Kutipan Hasil Tanah Mengikut daerah di Perak, 1878 hingga 1888	170
Jadual 3.7	Keluasan Kawasan Pertanian bagi Daerah-Daerah di Perak, tahun 1890	172
Jadual 3.8	Pulangan Hasil oleh Jabatan Tanah Perak, 1898 dan 1899	174
Jadual 4.1	Jumlah Penduduk di Negeri Perak Mengikut Kaum, 1901-1931, (dalam ribu)	182
Jadual 4.2	Peningkatan Populasi Sebenar Berbanding Penurunan Populasi Semulajadi di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB), 1911 dan 1921	185
Jadual 4.3	Populasi Penghijrah dari Kepulauan Indonesia di NNMB Mengikut Tahun Pertama Ketibaan, awal tahun 1900-1940	187
Jadual 4.4	Populasi Masyarakat Melayu dari Kepulauan Indonesia di Perak, 1911-1947	192
Jadual 4.5	Keluasan Kawasan Penanaman Padi dan Pengeluaran Hasil Padi di Kerian, 1906 hingga 1939*	217
Jadual 4.6	Jumlah populasi masyarakat Melayu yang berasal dari Semenanjung Tanah Melayu dan masyarakat Melayu dari kepulauan Indonesia di daerah Kerian, 1921 hingga 1931	220

Jadual 4.7	Jumlah Lelaki dan Wanita Masyarakat Banjar, Jawa dan Sumatera di Perak, 1921 hingga 1947	229
Jadual 4.8	Jumlah Populasi Masyarakat Banjar, Jawa dan Sumatera yang Lahir di Petempatan Asal (Banjarmasin, Kepulauan Jawa dan Kepulauan Sumatera) yang Menetap di Perak, 1921 hingga 1947	232
Jadual 4.9	Masyarakat Melayu yang dilahirkan di Pulau Pinang dan Seberang Perai serta Kedah (termasuk Perlis) di Perak, 1921 hingga 1947	236
Jadual 4.10	Jumlah Populasi Masyarakat Melayu Yang Dilahirkan di Pulau Pinang dan Seberang Perai serta Kedah Mengikut Daerah di Utara Perak bagi tahun 1947	241
Jadual 5.1	Purata Hasil Padi Seekar Tanah Mengikut Kelas (dalam gantang) di Kerian, 1910 hingga 1930	265
Jadual 5.2	Perbandingan Pendapatan bagi Padi dan Getah di daerah Kerian, 1922-1939	287

SENARAI GRAF

		Halaman
Graf garis 2.1	Bilangan Populasi Penduduk Melayu di Seberang Perai, 1786-1860	88
Graf garis 2.2	Bilangan Populasi Penduduk Melayu di Pulau Pinang, 1786-1860	89
Graf garis 4.1	Peratus (%) peningkatan dalam Jumlah Keseluruhan Penghijrahan Masuk Masyarakat Melayu dari Kepulauan Indonesia	187
Graf bar 4.2	Jumlah Populasi Masyarakat Melayu Yang Dilahirkan di Pulau Pinang dan Seberang Perai serta Kedah Mengikut Daerah di Utara Perak bagi tahun 1947	241
Graf garis 5.1	Purata Hasil Padi Seekar (dalam gantang) Bagi Tanah Kelas Pertama, 1910-1930	266
Graf garis 5.2	Purata Hasil Padi Seekar (dalam gantang) Bagi Tanah Kelas Kedua, 1910-1930	267
Graf garis 5.3	Purata Hasil Padi Seekar (dalam gantang) Bagi Tanah Kelas Ketiga, 1910-1930	267
Graf bar 5.4	Perbandingan Keluasan Tanah yang Diperuntukkan untuk Tanaman Padi dengan Jumlah Tanah yang Tidak Diusahakan Penanaman Padi, 1936-1938	280

SENARAI PETA


		Halaman
Peta 5.1	Peta Perak, 1926	315

SENARAI UKURAN

1 pikul	133.3 <i>pound</i>
1 bahara (3 pikul)	400 <i>pound</i>
1 gantang (0.04 pikul)	5.33 <i>pound</i>
1 orlong	1.33 ekar
1 relong	0.71 ekar
1 ha	2.47 ekar

LAMPIRAN

Daerah-daerah di Perak*



Sumber: Diubah suai daripada Ehsan Arkib Negara Malaysia
*Tahun tidak dinyatakan

Petunjuk:

Kawasan kajian (Kerian)



Merujuk kepada Sungai Perak (sungai utama atau *focal point* Kerajaan Melayu Tradisional Perak, menganjur dari Hulu ke Hilir Perak)

PENGIJRAHAN MASYARAKAT MELAYU KE KERIAN, PERAK,

1816-1941

ABSTRAK

Kajian ini adalah berkaitan dengan penghijrahan masyarakat Melayu ke Kerian bermula pada tahun 1816 hingga 1941. Kajian ini membincangkan aspek penghijrahan dalaman masyarakat Melayu bagi menilai sejauh mana kebenaran pandangan pentadbir British dan sarjana-sarjana terdahulu berkenaan sikap masyarakat Melayu yang dikatakan pasif dan enggan meninggalkan petempatan asalnya sebagai asbab kemunduran masyarakat Melayu dalam aspek ekonomi semasa penjajahan British. Penghijrahan sebelum penjajahan British turut dibincangkan dalam kajian ini bagi melihat adakah wujud kesinambungan dalam penghijrahan Melayu sebelum dan semasa penjajahan British. Kajian berkaitan penghijrahan Melayu ini juga bertujuan membuktikan sumbangan masyarakat Melayu dalam ekonomi terutama dalam pembangunan tanah untuk aktiviti pertanian semasa penjajahan British. Bagi memenuhi objektif kajian dan merungkai permasalahan kajian berkaitan penghijrahan Melayu ini, kedua-dua kaedah iaitu kualitatif dan kuantitatif digunakan, manakala sumber yang digunakan adalah sumber primer dan sumber sekunder. Sumber primer yang dirujuk dalam kajian ini adalah rekod-rekod kolonial seperti Laporan Tahunan Negeri-negeri Melayu Bersekutu, *Straits Settlements Record*, Warta Kerajaan (Gazet), Buletin Pertanian, Fail- fail kerajaan, catatan-catatan pentadbir British di Tanah Melayu, Laporan Banci Penduduk dan juga rekod dari Pejabat Kolonial (*Colonial Office/C.O*). Sumber-sumber primer ini dirujuk di Arkib Negara Kuala Lumpur, Arkib Negara (cawangan Perak), Muzium Negeri Perak, Bilik Arkib dan Dokumentasi, Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia dan Perpustakaan Universiti Sains

Malaysia. Penemuan kajian ini mendapati masyarakat Melayu dari Negeri-Negeri di Semenanjung Tanah Melayu (Kedah, Seberang Perai dan Pulau Pinang) telah pun berhijrah meninggalkan petempatan asal sejak sebelum penjajahan British atas pelbagai faktor dan penghijrahan dalaman masyarakat Melayu ini berterusan berlaku semasa penjajahan British. Namun semasa penjajahan British, penghijrahan atas faktor ekonomi lebih menonjol ekoran peluang-peluang ekonomi yang wujud di bawah pentadbiran British. Seterusnya, kajian ini juga mendapati masyarakat Melayu sebenarnya memainkan peranan yang amat penting dalam ekonomi terutamanya dalam pembangunan tanah untuk aktiviti pertanian semasa penjajahan British dan masyarakat Melayu juga sebenarnya turut terlibat dalam ekonomi komersial. Namun, perundangan British terutamanya dalam memastikan masyarakat Melayu kekal dalam penanaman padi menyebabkan rata-rata daripada masyarakat Melayu kekal mundur dan miskin.

THE MALAY MIGRATION TO KERIAN, PERAK, 1816-1941

ABSTRACT

This study looks at the migration of the Malay to Kerian began in 1816 until 1941. This study discusses the aspect of internal migration in order to assess the truth behind views of British administrators and the former scholars regarding the Malay attitude allegedly to be passive and reluctant to leave the settlement as the main reason of economic regression of Malay during the British colonisation. The migration before the colonisation is also discussed in this study whether there was a continuity in the migration of Malay before and during the colonisation. This study also aims to proof the contribution of the Malay in the economic aspect especially in the development of land for the agricultural activity under the British colonisation. In order to solve the problem and to fulfil the objectives of this study, both qualitative and quantitative methods are used. The primary resources and secondary resources are widely used. The primary resources that are being referred to in this study are the colonial records such as the Annual Report of the Federated Malay States, Straits Settlements Record, Government Gazette, Agricultural Bulletin, government files, records of the British administrators in Tanah Melayu, the Population Census Report and also records from the Colonial Office (Colonial Office/C.O). These primary resources had been referred at Kuala Lumpur Archive, Perak Archive and Perak Museum, Archive and Documentation's Room, History Department, School of Humanities, Universiti Sains Malaysia and Univesiti Sains Malaysia's Library. Thus, it is found that the internal migration of the Malay (Malay of Kedah, Seberang Perai and Pulau Pinang) already happened before the British colonisation for many reasons and this internal migration of the Malay continued during British colonisation. During the British colonisation, the migration on economic factors was more

prominent as a result of the economy opportunities that exist under the British administration. This study shows that the Malay played a vital role especially in the development of land for the agricultural activity during British colonisation and the Malay also actually took part in the commercial economy. However, the British legislative system especially in ensuring that Malay remain in rice cultivation resulted in most Malay remain poor.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Penghijrahan merupakan isu dan aspek yang amat penting dalam penulisan sejarah sesebuah masyarakat dan negara. Hal ini kerana, kewujudan dan perkembangan yang berlaku dalam sesebuah negara dan masyarakat itu mempunyai kaitan yang amat rapat dengan aspek penghijrahan. Pergerakan manusia sejak dari zaman batu lagi bukan sahaja mempengaruhi landskap dan ruangan sesebuah negara, tetapi juga turut mempengaruhi aspek jati diri, perubahan sosial dan pembangunan ekonomi serta organisasi politik negara tersebut.¹ Masyarakat Melayu di Alam Melayu juga tidak terkecuali kerana penghijrahan bukanlah suatu perkara yang asing dalam kalangan masyarakat Melayu. Bahkan, sebelum berlakunya penghijrahan masuk masyarakat India, Parsi, Arab, Cina dan kemudiannya Eropah, wilayah-wilayah di Asia Tenggara sudahpun mempunyai tradisi berhijrahnya yang tersendiri walaupun terdiri daripada banyak kerajaan dan kumpulan etnik.² Maka, penghijrahan dalam kalangan masyarakat Asia Tenggara amnya, dan masyarakat Melayu khususnya bukanlah suatu fenomena baharu. Sebaliknya, penghijrahan merupakan suatu proses yang senantiasanya akan berlaku lantaran pelbagai faktor sesuai dengan peredaran masa.

Misalnya, rumpun Melayu tergolong dalam kelompok Melayu-Polinesia yang merupakan sebuah kelompok yang sangat besar dan sangat luas penyebarannya dalam sejarah peradaban manusia.³ Istilah ini turut diguna pakai oleh penyelidik dalam

¹ V. N. P. Sinha dan Md. Ataulah, *Migration, An Interdisciplinary Approach*, (Delhi: Seema Publications, 1987), hlm. vii. Lihat juga G. J. Lewis, *Human Migration, A Geographical Perspective*, (London & Canberra: Croom Helm, 1982), hlm. 3.

² Wang Gungwu, "Pattern in Migration Revisited", dalam *Don't Leave Home: Migration and the Chinese*, (Singapore: Times Academic Press, 2011), hlm. 29-30.

³ Peter Bellwood dan Ian Glover, "Southeast Asia: Foundations for an Archaeological History", dalam *Southeast Asia From Prehistory to History*, ed., Ian Glover dan Peter Bellwood (New York: Routledge, 2004), hlm. 5.

bidang antropologi dan sosio-linguistik bagi merujuk kepada penduduk asal di Semenanjung dan gugusan Kepulauan Melayu yang kini lebih dikenali sebagai Alam Melayu. Rumpun Melayu ini diklasifikasikan di bawah rumpun yang sama kerana bertutur dalam bahasa dari cabang bahasa induk Austronesia.⁴ Kumpulan-kumpulan yang tergolong dalam ras atau rumpun Melayu ini termasuklah penduduk peribumi Pulau Taiwan yang bukan berbangsa Han (China), etnik Cham dan beberapa suku bangsa asal peribumi di Semenanjung Indo-China (Vietnam dan Kemboja), etnik keturunan Melayu Patani di Thailand dan seluruh penduduk asal di Malaysia, Filipina, Indonesia, Singapura dan Brunei serta suku bangsa Merina di Pulau Malagasi (Madagaskar).⁵

Ekoran penyebarannya yang amat luas, asal usul masyarakat atau “*orang*” Melayu turut menimbulkan kontroversi dan perdebatan dalam kalangan penyelidik. Maka, tidak hairanlah para penyelidik mengemukakan pelbagai teori berkenaan asal usul dan penghijrahan dalam kalangan masyarakat Melayu. Antaranya adalah teori migrasi dari utara ke selatan.⁶ Terdapat dua teori terkenal di bawah teori migrasi dari utara ke selatan ini. Salah satunya sangat dominan iaitu Teori Asal Usul Rumpun Melayu dikatakan berasal dari Wilayah Yunan.⁷ Teori ini muncul berdasarkan kepada saranan dua orang sarjana etnografi (ilmu etnik) Sarasin bersaudara pada tahun 1892-93. Saranan atau teori Sarasin bersaudara ini kemudiannya diperkukuhkan oleh kajian Robert Heine van Geldern.⁸ Geldern telah membuat rumusan yang menyokong teori ini. Hal ini berdasarkan kepada penelitiannya terhadap bahan artifak arkeologi di

⁴ Peter Bellwood dan Ian Glover, “Southeast Asia: Foundations for an Archaeological History”, hlm. 11.

⁵ Wan Hashim Wan Teh, *Rumpun Melayu: Teori Migrasi dan Diaspora*, (Bandar Baru Nilai: Penerbit USIM, 2012), hlm. 18-19.

⁶ Wan Hashim Wan Teh, *Rumpun Melayu: Teori Migrasi dan Diaspora*, hlm. 21.

⁷ Wan Hashim Wan Teh, *Rumpun Melayu: Teori Migrasi dan Diaspora*.

⁸ Wan Hashim Wan Teh, *Rumpun Melayu: Teori Migrasi dan Diaspora*, hlm. 22.

perpustakaan Vienna khususnya mengenai kapak atau beliung batu bersegi empat dan periuk tanah liat berkaki tiga. Beliau menghujahkan bahawa kapak-kapak segi empat dan periuk tanah liat berkaki tiga yang boleh ditemui di beberapa tempat di wilayah selatan (Semenanjung Tanah Melayu) berasal dari selatan benua China. Peralatan ini telah dibawa ke selatan oleh kelompok orang Melayu semasa berhijrah ke wilayah Alam Melayu dari selatan benua China.⁹

Hujah Geldern tersebut turut dipersetujui dan disokong oleh seorang lagi sarjana iaitu Peter Bellwood. Bellwood telah menganjurkan teori baru iaitu “Model Kereta Api Ekspres dari Taiwan ke Polinesia” bagi menyokong migrasi dari utara ke selatan ini. Menurut Bellwood, moyang rumpun Melayu-Polinesia yang bertutur dalam bahasa Austronesia telah berhijrah dari tanah besar China ke Taiwan kira-kira 6,000 tahun sebelum masihi (s.m). Kelompok ini kemudiannya berhijrah pula ke Selatan memasuki wilayah-wilayah di Alam Melayu iaitu Filipina, kemudiannya ke Indonesia, Borneo Utara, Sulawesi dan Maluku. Seterusnya, kelompok ini kemudiannya tersebar ke Semenanjung Tanah Melayu, Selatan Vietnam dan Madagaskar.¹⁰ Rumpun Melayu-Polinesia inilah yang telah mengusir penduduk-penduduk yang lebih tua di Alam Melayu seperti ras Austroloid, Negroid dan Melanesian yang mula berhijrah jauh ke Selatan hingga tiba di Pentas Sahul atau benua Australia dan di kepulauan sekitarnya. Manakala sekumpulan penghijrah dari

⁹ Wan Hashim Wan Teh, *Rumpun Melayu: Teori Migrasi dan Diaspora*. Lihat juga Mohamed Anwar Omar Din, “Asal-usul Melayu: Meneliti Semula Sejarahnya (*The Malay Origin: Rewrite Its History*), dalam *Jurnal Melayu*, bil. 7 (2011), hlm. 5-6. url: <http://journalarticle.ukm.my/3186/1/1.pdf>.

¹⁰ Peter Bellwood, *The Origins and Dispersals of Agricultural Communities in Southeast Asia*, ed., Ian Glover dan Peter Bellwood (New York: Routledge, 2004), hlm. 27-29. Hujah Bellwood ini turut dipegang oleh ramai sarjana antaranya Wang Gungwu. Wang, dalam membincangkan berkenaan perbezaan pendekatan penulisan sejarah migrasi di China dan Asia Tenggara, turut menyentuh berkenaan asal usul masyarakat Melayu dari utara China (Yunan dan Taiwan), dan sebarannya hingga ke Kepulauan Pasifik dan Madagaskar. Lihat, Wang Gungwu, “Migration and its enemies,” dalam *Don't Leave Home: Migration and the Chinese*, (Singapore: Times Academic Press, 2011), hlm. 7.

utara yang lebih tua (Melayu Proto) dari moyang rumpun Melayu kekal menetap di daerah pedalaman Semenanjung dan kepulauan Melayu yang kini lebih dikenali sebagai Orang Asli.¹¹

Namun demikian, teori yang dikemukakan oleh Geldern dan Bellwood ini bertentangan dengan teori yang dikemukakan oleh de Silva. De Silva telah menolak teori migrasi dari utara ke selatan dan menganjurkan satu teori baharu iaitu budaya di utara China berkemungkinan berasal daripada budaya Hao Binh yang berasal daripada Asia Tenggara iaitu di utara Vietnam. Ujar beliau lagi, kemungkinan besar Asia Tenggara merupakan tempat bermulanya tamadun awal manusia dan bukannya Asia Barat.¹² Teori yang dianjurkan de Silva ini kemudiannya dikukuhkan lagi oleh dapatan kajian sarjana-sarjana tempatan yang bermula pada pertengahan tahun 1980-an sehingga awal tahun 1990-an ke atas pengumpulan dan analisis bahan-bahan cari gali daripada dapatan arkeologi. Sarjana-sarjana tempatan tersebut seperti Nik Hassan Shuhaimi dan Adi Taha telah membuat satu kesimpulan baharu iaitu Benua Sunda atau Alam Melayu sudah pun dihuni oleh manusia *homo sapiens sapien* yang kemungkinan besarnya adalah moyang rumpun bangsa Melayu yang mendiami Alam Melayu pada hari ini. Hal ini bermaksud, satu tamadun awal di Benua Sunda atau Alam Melayu telah mulai tumbuh dan berkembang sejak sekitar 17,000 tahun yang lalu.¹³ Perkara ini jelas bertentangan dengan teori migrasi Heine-Geldern dan Bellwood yang menyatakan bahawa orang Melayu sedang dalam proses bermigrasi dari selatan benua China ke Alam Melayu hanya bermula sekitar 5,000 tahun yang silam.¹⁴ Maka, teori migrasi

¹¹ Wan Hashim Wan Teh, *Rumpun Melayu: Teori Migrasi dan Diaspora*, hlm. 23.

¹² Dipetik dari Wan Hashim Wan Teh, *Rumpun Melayu: Teori Migrasi dan Diaspora*, hlm. 24.

¹³ Wan Hashim Wan Teh, *Rumpun Melayu: Teori Migrasi dan Diaspora*.

¹⁴ Lihat, Wan Hashim Wan Teh, *Rumpun Melayu: Teori Migrasi dan Diaspora*, hlm. 24. Namun, adalah perlu untuk dijelaskan di sini bahawa, Bellwood misalnya, tidak pernah menafikan kewujudan manusia yang menetap di Alam Melayu sebelum 5,000 tahun dahulu. Sebaliknya sarjana-sarjana tersebut termasuk Bellwood turut mengakui kewujudan manusia-manusia awal ini berdasarkan kepada penemuan-penemuan arkeologi. Namun, menurut beliau, manusia-manusia awal ini bukanlah daripada

dari utara ke selatan oleh Heine-Geldern dan Bellwood boleh diragui berdasarkan latar masa kewujudan manusia *homo sapiens sapien* yang mendiami Alam Melayu.

Penyelidikan terhadap beberapa bahan artifak budaya serta hasil kajian sedia ada mengenai masyarakat dan kebudayaan kesemua kumpulan etnik di wilayah Kunming oleh Wan Hashim Wan Teh juga telah mengukuhkan lagi kesimpulan baharu oleh sarjana-sarjana tempatan tersebut. Menurut Wan Hashim, semasa beliau menyertai Persidangan Antarabangsa Hubungan antara China dan Malaysia yang diadakan di ibu kota Kunming, wilayah Yunan, tidak terdapat satu pun daripada kumpulan etnik di wilayah itu yang bertutur dalam salah satu cabang bahasa dari rumpun Melayu-Polinesia. Justeru itu, tidak terdapat etnik atau suku bangsa tersebut yang boleh digolongkan dalam rumpun Melayu-Polinesia dari aspek linguistik dan budaya. Melalui penyelidikan itu juga, beliau turut mempersoalkan kebenaran teori migrasi dari utara ke selatan. Menurut beliau sekiranya benar rumpun Melayu ini berasal dari Wilayah Yunan, sudah tentu kelompok induknya masih lagi wujud di wilayah tersebut.¹⁵ Walaupun menolak sama sekali hujah Geldern dan Bellwood berkenaan teori migrasi dari utara ke selatan tersebut, Wan Hashim tidak pula menyatakan dengan pasti dari mana asalnya rumpun Melayu ini. Sebaliknya, beliau hanya menyatakan kemungkinan rumpun Melayu ini berasal dari Timur Tengah.¹⁶

Sekalipun terdapat percanggahan dan pertentangan berkenaan pandangan-pandangan sarjana berkenaan dalam membincangkan asal usul masyarakat Melayu ini dan aspek penghijrahan mereka berdasarkan kepada penemuan-penemuan arkeologi, perkara yang paling penting di sini adalah masyarakat dalam kalangan Melayu ini

kelompok Austronesia. Untuk keterangan lanjut, lihat artikel beliau, "The Origins and Dispersals of Agricultural Communities in Southeast Asia", hlm. 21-40.

¹⁵ Wan Hashim Wan Teh, *Rumpun Melayu: Teori Migrasi dan Diaspora*, hlm. 25.

¹⁶ Wan Hashim Wan Teh, *Rumpun Melayu: Teori Migrasi dan Diaspora*, hlm. 28.

sudah berhijrah dari satu tempat ke tempat yang lain sejak ribuan tahun dahulu. Walaupun masyarakat Melayu ini terdiri daripada pelbagai jenis puak dan etnik, mereka masih lagi mempunyai ciri-ciri khas yang menggolongkan mereka ke dalam kelompok Melayu misalnya sistem organisasi sosial dan aspek kebudayaan.¹⁷ Oleh kerana mereka juga bertutur dalam salah satu cabang bahasa Austronesia, ianya cukup untuk mengukuhkan pandangan bahawa rumpun Melayu ini berkongsi keturunan dan sejarah yang sama.¹⁸

Jika rekod-rekod arkeologi menjelaskan berkenaan asal-usul dan penyebaran atau penghijrahan rumpun Melayu daripada kelompok yang bertutur dalam bahasa Austronesia yang didakwa berasal dari Yunan, China pada zaman prasejarah ke kepulauan Asia Tenggara sehingga ke kepulauan Pasifik, masyarakat Melayu juga turut mempunyai sudut pandangannya yang tersendiri berkenaan aspek penghijrahan. Rekod-rekod bertulis tempatan di Tanah Melayu (seperti *Hikayat Merong Mahawangsa* dan *Sejarah Melayu* atau *Sulalatus Salatin*) selain daripada merekodkan susur galur keturunan raja-raja Melayu, rekod ini turut menyelitkan berkenaan aspek penghijrahan dalam kalangan masyarakat Melayu selepas zaman prasejarah jika diteliti dengan lebih mendalam.

Namun, rekod-rekod bertulis tempatan ini memfokuskan aspek penghijrahan ke arah mewujudkan entiti politik yang berwibawa dan bebas. Hal ini kerana, catatan daripada sumber bertulis tempatan ini jelas menunjukkan perkaitan rapat antara pergerakan raja dan para pengikutnya daripada kepulauan Melayu atau Nusantara itu sendiri dalam usaha mencari kawasan penempatan baharu atau “membuka negeri”.

¹⁷ Mochtar Naim, *Merantau: Pola Migrasi Suku Minangkabau*, (Yogyakarta: Gadjah Mada University Press, 1979), hlm. 59.

¹⁸ Peter Bellwood, “The Origins and Dispersals of Agricultural Communities in Southeast Asia”, hlm. 26.

Misalnya, faktor penggerak kepada kewujudan Perak dan Kedah, yang merupakan dua kenegaraan utama masa lampau dikatakan bermula ekoran pergerakan keturunan diraja dalam mencari kawasan penempatan baru ataupun untuk “*membuka negeri*” bagi menjalankan pentadbirannya. *Hikayat Merong Mahawangsa* telah mengisahkan bahawa kerajaan Siam, Perak dan Patani kononnya telah diasaskan oleh dua orang putera raja dan seorang puteri Raja Kedah, Raja Merong Mahapudisat, anakanda Raja Merong Mahawangsa yang membuka negeri Kedah Zamin Turan di kaki Gunung Jerai. Setelah Raja Merong Mahapudisat mangkat, puteranya yang bongsu menaiki takhta sebagai pemerintah negeri Kedah bergelar Raja Seri Mahawangsa.¹⁹

Pengarang *Sejarah Melayu* atau *Sulalatus Salatin* pula mengaitkan keturunan raja-raja Melayu di Tanah Melayu dengan keturunan yang tiba di Bukit Siguntang, yang susur galurnya adalah daripada Raja Iskandar Zulkarnain, putera Raja Philips dari Makaduniah. Walaupun diselitkan dengan pelbagai kejadian luar biasa bagi mengabsahkan asal-usul raja-raja Melayu ini, raja-raja awal ini seperti Seri Teri Buana dilihat tidak betah tinggal di satu jajahan sahaja dan seringkali bergerak mencari kawasan baru bagi membuka negeri yang baru. Misalnya, Seri Teri Buana telah bergerak keluar dari Palembang ke Bintan dan kemudiannya Temasik bagi membuka negeri. Keturunan Seri Teri Buana ini pula, akibat dari tekanan Majapahit kemudiannya bertindak mencari penempatan baharu bagi menjalankan pentadbiran dan akhirnya tiba di Melaka.²⁰ Selain merekodkan berkenaan aspek penghijrahan dalam kalangan masyarakat Melayu, yakni raja-raja dan pengikutnya, rekod-rekod ini juga sebenarnya turut memberi gambaran bahawa raja-raja kepulauan Nusantara ini

¹⁹ Abdul Rahman Haji Ismail, “Warisan Sejarah dan Asas Rupa Diri Kebangsaan,” dalam *Warisan Wilayah Utara Semenanjung Malaysia*, ed., Ooi Keat Gin, (Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2012), hlm. 5.

²⁰ Abdul Rahman Haji Ismail, “*Sejarah Melayu: The Malay Annals*”, (Selangor: *The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society (MBRAS)*, 2009), hlm. 88-91 dan 119-120.

berasal daripada keturunan atau susur galur yang sama.²¹ Berdasarkan kepada analisis penemuan-penemuan arkeologi dan catatan-catatan daripada rekod-rekod bertulis tempatan ini, ianya menjelaskan sebab-sebab etnik-etnik dalam rumpun yang sama ini mudah berinteraksi dan diterima oleh peribumi di seluruh kepulauan Melayu apabila berhijrah dari satu kawasan ke kawasan yang lain di Alam Melayu. Semenanjung Tanah Melayu juga tidak terkecuali.

Maka, adalah tidak menghairankan suku-suku etnik dari Semenanjung Tanah Melayu seperti rakyat Kedah, rakyat Kelantan, rakyat Terengganu dan lain-lain negeri di Semenanjung Tanah Melayu serta di luar Semenanjung Tanah Melayu seperti di Kepulauan Sumatera (seperti Aceh dan Minangkabau), Kepulauan Jawa, Selatan Thailand (seperti Pattani) Etnik Cham di Kemboja begitu mudah berhijrah untuk tinggal menetap di mana-mana negeri di Semenanjung Tanah Melayu. Faktor agama, yakni selepas kedatangan dan penerimaan agama Islam sebagai anutan juga semakin mengukuhkan lagi ikatan rumpun Melayu yang terdiri daripada pelbagai etnik di Kepulauan Melayu. Mereka kini turut disatukan di bawah satu akidah dan kepercayaan yang sama.²²

Negeri-negeri di utara Semenanjung Tanah Melayu (Kedah, Pulau Pinang, Perlis dan Perak), selain daripada kawasan petempatan dan tamadun tertua di Malaysia,²³ negeri-negeri ini juga sangat unik aspek kependudukannya kerana terdiri daripada pelbagai jenis etnik Melayu. Lokasinya yang berdekatan dengan Kepulauan

²¹ Bagi mendapatkan maklumat lanjut berkenaan aspek ini, Lihat, Abdul Rahman Haji Ismail, "*Sejarah Melayu: The Malay Annals*".

²² Menurut Abdul Rahman Haji Ismail dan Mahani Musa, hasil gabung-suaian di antara warisan politik zaman silam terutama warisan politik Sriviaya dengan agama Islam yang bersifat sejagat telah mencairkan semangat kesukuan antara pelbagai etnik tersebut. Lihat, Abdul Rahman Haji Ismail dan Mahani Musa, "Zaman Melaka dan kemunculan tenaga politik dan kenegaraan baharu", dalam *Malaysia: Sejarah Kenegaraan dan Politik*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), hlm. 115.

²³ Abdul Rahman Haji Ismail, "Warisan Sejarah dan Asas Rupa Diri Kebangsaan", hlm. 1.

Hindia Belanda (selepas ini disebut Kepulauan Indonesia) di pantai barat dan Selatan Thailand di utara menyebabkan negeri-negeri di utara ini menjadi pilihan kepada pelbagai etnik dari kawasan sekitarnya untuk dijadikan petempatan baharu. Perak misalnya, selain daripada menerima kemasukan penghijrah dari Kepulauan Indonesia, negeri ini turut menerima penghijrahan daripada negeri-negeri lain yang terletak di Semenanjung Tanah Melayu sendiri sejak sebelum penjajahan lagi. Penjajahan sebenarnya hanya merancakkan lagi proses penghijrahan yang telah sedia berlaku tersebut. Maka, adalah tidak keterlaluan untuk menyatakan bahawa penghijrahan ini merupakan satu warisan sosial yang tidak dapat dipisahkan daripada masyarakat Melayu. Namun, penghijrahan sebagai satu warisan sosial dalam kalangan masyarakat Melayu ini tidaklah statik dan terhad kepada satu faktor sahaja. Sebaliknya, terdapat pelbagai faktor yang mendorong penghijrahan ini menjadi suatu warisan sosial kepada masyarakat Melayu sama ada aspek politik²⁴, ekonomi²⁵ dan sosial.²⁶

Namun demikian, pergerakan masyarakat Melayu ini, yakni tujuan dan faktornya mengalami perubahan seiring dengan peredaran masa dan zaman. Jika pada peringkat awal penghijrahan yang membawa kepada pergerakan manusia ini adalah bertujuan membuka negeri baru bagi menjalankan kuasa politik yakni bagi membentuk sebuah entiti politik kenegaraan yang berwibawa, penghijrahan masyarakat Melayu kemudiannya adalah untuk mencari petempatan baru untuk meneruskan kelangsungan kehidupan mereka akibat daripada tekanan-tekanan hidup yang dihadapi di petempatan asal selain daripada faktor sosial dan politik. Misalnya, Andrew Hardy

²⁴ Misalnya, Andi Ima Kesuma menyatakan faktor berlakunya penghijrahan besar-besaran dalam kalangan Bugis adalah disebabkan terjadinya Perang VOC-Makassar pada tahun 1667. Lihat Andi Ima Kesuma, *Migrasi dan Orang Bugis: Penelusuran Kehadiran Opu Daeng Rilakka pada Abad XVIII di Johor*, (Yogyakarta: Penerbit Ombak, 2004), hlm. 58.

²⁵ Faktor ekonomi merupakan faktor yang dominan bagi penghijrahan orang Jawa ke Selangor. Bagi perbincangan lanjut berkenaan aspek ekonomi, lihat Khazin Mohd Tamrin, *Orang Jawa di Selangor: Penghijrahan dan Penempatan, 1880-1940*, hlm. 29-70.

²⁶ Lihat Mochtar Naim, *Merantau: Pola Migrasi Suku Minangkabau*.

menyatakan bahawa aspek sosial, politik dan ketenteraan serta keperluan untuk menyara kehidupan merupakan penggerak utama kepada berlakunya penghijrahan.²⁷

Kewujudan negeri-negeri Melayu yang berwibawa seperti Kedah dan Perak, dan kehilangan Pulau Pinang dan Seberang Perai daripada Kedah yang diambil alih oleh pihak British, penaklukan Siam ke atas Kedah dan campur tangan secara langsung oleh British di negeri Perak, penghijrahan masyarakat Melayu dari luar Tanah Melayu dan dalam Tanah Melayu berterusan berlaku walaupun penghijrahan oleh masyarakat asing iaitu Cina dan India mulai signifikan pada suku akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20. Penghijrahan masyarakat asing yang semakin signifikan ini adalah ekoran perindustrian baharu yang meningkatkan permintaan terhadap penggunaan tenaga buruh. Hal ini menyebabkan berlakunya ketidakseimbangan yang sangat besar dalam permintaan dan penawaran buruh.²⁸ Justeru itu, penjajah British mengamalkan dasar buka pintu bagi menggalakkan kehadiran penghijrah asing iaitu Cina dan India dalam skala yang besar untuk berhijrah masuk ke Tanah Melayu. Dengan demikian, pihak British dan pemodal asing mampu mengatasi masalah kekurangan tenaga buruh dan punca ekonomi pula dapat dieksploitasi dengan lebih giat lagi.²⁹

Akibat daripada penghijrahan beramai-ramai masyarakat Cina dan India yang semakin dominan ke Tanah Melayu, timbulnya pelbagai pandangan negatif terhadap sumbangan dan peranan masyarakat Melayu dalam pembangunan ekonomi negara terutamanya pada zaman penjajahan.³⁰ Bahkan, penulisan yang ada serta berkaitan

²⁷ Andrew Hardy, *Red Hills: Migrants and the State in the Highlands of Vietnam*, (Singapore: Institute of Southeast Asian Studies (ISEAS), 2005), hlm. 1-2.

²⁸ Wang Gungwu, "Patterns in Migration History Revisited", hlm. 36-37.

²⁹ Abdul Rahman Haji Ismail, "Warisan Sejarah dan Asas Rupa Diri Kebangsaan", hlm. 17.

³⁰ Khazin Mohd. Tamrin, "Tradisi Merantau: Perlunya Diberi Perhatian dalam Kajian dan Penulisan Sejarah Malaysia", hlm. 210-211. Chai Hon Chan misalnya, menyatakan bahawa Melayu hanya memainkan peranan yang kecil dalam pembangunan negara. Ketidaksediaan mereka untuk terlibat dalam perubahan dan peluang ekonomi yang semakin luas semasa penjajahan selain dipengaruhi oleh polisi British yang tidak mahu campur tangan dalam adat istiadat Melayu, ketidakterlibatan tersebut

dengan penghijrahan masyarakat Melayu pula jelas hanya tertumpu kepada kepentingan penghijrahan masyarakat Melayu dari luar Semenanjung Tanah Melayu, misalnya dari Kepulauan Jawa. Sebenarnya, dalam membincangkan penghijrahan masyarakat Melayu, penghijrahan dalaman turut memainkan peranan yang tidak kurang pentingnya dalam membentuk aspek ekonomi, aspek sosial dan budaya di beberapa kawasan di Semenanjung Tanah Melayu itu sendiri, misalnya di daerah Kerian, Perak. Walaupun daerah ini terletak di Perak, aspek ekonomi, sosial dan budaya termasuklah dialeknya jelas berbeza dengan daerah-daerah lain di Perak. Daerah ini jelas menunjukkan pengaruh Kedah dalam kalangan penduduknya kerana rata-rata penduduk di kawasan tersebut merupakan penghijrah berketurunan Kedah.

Penghijrahan masyarakat Melayu berketurunan Kedah, sama ada secara langsung dari Kedah atau dari Seberang Perai dan Pulau Pinang yang sangat dominan ke daerah ini sebenarnya amat dipengaruhi oleh faktor politik Kedah itu sendiri pada awal kurun ke-19.³¹ Namun, menjelang dan selepas campur tangan British di Perak melalui Perjanjian Pangkor, faktor ekonomi dilihat semakin dominan dalam menggalakkan penghijrahan masyarakat Melayu Kedah, Seberang Perai dan Pulau Pinang ke daerah Kerian.³² Menyedari hakikat ini, adalah amat penting isu berkaitan penghijrahan dalam kalangan masyarakat Melayu terutamanya penghijrahan dalaman masyarakat Melayu di Semenanjung Tanah Melayu itu sendiri turut diberikan perhatian dalam membincangkan penghijrahan dalam kalangan Melayu. Hal ini

juga sebenarnya kuat dipengaruhi oleh sistem politik, ekonomi, sosial dan agama orang Melayu itu sendiri. Pandangan Chan ini jelas sekali kuat dipengaruhi oleh pandangan pentadbir British seperti Winstedt. Lihat, R. O. Winstedt, *Malaya, The Straits Settlements and the Federated and Unfederated Malay States*, (London: Constable & Co. Ltd, 1923), hlm. 89.

³¹ Untuk perbincangan lanjut berkenaan perkara ini, lihat subtopik 2.5, hlm. 83-96.

³² Untuk perbincangan lanjut berkenaan perkara ini, lihat subtopik 2.5, hlm. 97-108, subtopik 3.3 dan 3.4, hlm. 127-176.

penting bagi membuktikan peranan masyarakat Melayu dalam jaringan ekonomi kapitalis yang diamalkan penjajah sepanjang tempoh penjajahan.

Justeru itu, melalui penyelidikan berkenaan aspek penghijrahan dalam kalangan masyarakat Melayu ke Kerian, kepentingan penghijrahan dalaman sebelum dan semasa penjajahan tidak lagi diabaikan dalam penulisan berkaitan penghijrahan masyarakat Melayu tetapi pada masa yang sama juga, kepentingan penghijrahan masyarakat Melayu dari luar Semenanjung Tanah Melayu (Kepulauan Hindia Belanda) juga tidak dinafikan akan kepentingannya. Penulisan ini juga diharapkan dapat menilai semula sumbangan masyarakat Melayu dalam pembangunan ekonomi negara semasa penjajahan. Maka, peranan masyarakat Melayu dalam pembangunan ekonomi dapat diketengahkan dengan sewajarnya.

Penyelidikan ini tertumpu pada tempoh masa antara tahun 1816 sehingga tahun 1941. Tahun 1816 merupakan tarikh yang sangat penting kerana pada tahun ini, buat pertama kalinya berlaku kemasukan rakyat Kedah dalam jumlah yang besar ke Perak umumnya dan Kerian khususnya apabila Kedah diarahkan oleh Siam untuk menyerang Perak.³³ Tempoh kajian berakhir pada tahun 1941 ekoran pendudukan Jepun. Pemilihan tempoh masa ini sangat penting dalam melihat perubahan kepada faktor-faktor utama yang mendorong berlakunya penghijrahan dalam kalangan masyarakat Melayu. Tempoh masa ini dipilih bagi melihat sikap masyarakat Melayu yang anjal kepada perubahan-perubahan yang berlaku di sekeliling mereka dalam meneruskan kelangsungan kehidupan mereka. Maka, kajian berkaitan penghijrahan masyarakat Melayu ke Kerian, Perak (1816-1941) ini dapat membuktikan sumbangan penghijrahan dalaman kepada pembangunan ekonomi Kerian terutamanya dalam

³³ Lihat bab 2.5, hlm. 83-85.

pembangunan tanah untuk aktiviti pertanian dan seterusnya menangkis generalisasi yang dibuat oleh sarjana pentadbir dan sesetengah sarjana tempatan bahawa masyarakat Melayu tidak gemar serta tidak terlibat dalam ekonomi komersial.

1.2 Tinjauan Literatur

Antara penulisan terawal berkaitan penghijrahan di Tanah Melayu adalah oleh R. N. Jackson yang berjudul "*Immigrant Labour and the Development of Malaya, 1786-1920.*"³⁴ Perbincangan Jackson dalam penulisannya ini berfokus kepada kemasukan penghijrah dari luar Tanah Melayu untuk bekerja sebagai buruh di sektor-sektor perlombongan dan perladangan. Menurut beliau, keperluan yang mendesak dalam keperluan tenaga manusia sebagai buruh hanya muncul selepas kemasukan British bermula dengan kemunculan Negeri-negeri Selat. Hal ini kerana, tenaga buruh sebelumnya adalah mudah diperoleh menerusi sistem kerah (untuk kerja-kerja awam), hamba berhutang, tawanan perang ataupun penjenayah. Namun, perkembangan ekonomi selepas kemunculan Negeri-negeri Selat telah menyebabkan berlakunya peningkatan permintaan buruh dengan mendadak bagi memastikan sumber tanah dan galian dapat dieksploitasi dengan lebih giat sama ada dalam sektor perlombongan mahupun perladangan.

Secara keseluruhannya, R. N. Jackson dalam kajiannya ini menekankan kepentingan penghijrah-penghijrah dari luar Semenanjung Tanah Melayu sama ada penghijrah asing (Cina dan India) serta penghijrah Melayu dari luar Semenanjung Tanah Melayu (masyarakat Jawa) yang bekerja sebagai buruh sama ada di lombong-

³⁴ Lihat R. N. Jackson, *Immigrant Labour and the Development of Malaya, 1786-1920*, (Federation of Malaya: The Government Press, 1961).

lombong dan ladang-ladang. Masalah-masalah sosial, kesukaran serta eksploitasi yang dihadapi oleh buruh-buruh turut disentuh. Namun, dapat dilihat bahawa penumpuan beliau hanyalah terhadap aspek penghijrahan bagi memenuhi permintaan buruh untuk bekerja di lombong-lombong serta ladang-ladang bagi memenuhi keperluan syarikat kapitalis. Oleh itu, penulisan oleh Jackson tidak menggambarkan sepenuhnya penghijrahan dalam kalangan masyarakat Melayu. Penghijrahan dalam kalangan Melayu bukanlah hanya semata-mata melibatkan kepentingan ekonomi dan keperluan bekerja sebagai buruh sahaja. Sebaliknya aspek penghijrahan dalam kalangan Melayu turut didorong oleh pelbagai faktor termasuklah politik dan sosial untuk tempoh masa yang dibincangkan.

Penulisan seterusnya yang berkaitan dengan aspek penghijrahan di Tanah Melayu adalah oleh C. A. Vlieland yang berjudul "*The Population of the Malay Peninsula: A Study in Human Migration*."³⁵ Penulisan oleh Vlieland ini juga turut membincangkan berkenaan penghijrahan dalam kalangan masyarakat berbilang bangsa yang utama di Tanah Melayu iaitu Melayu (dari Kepulauan Indonesia), Cina dan India. Namun, pandangannya dalam penulisan tersebut berkenaan peranan dan sikap masyarakat Melayu dalam lapangan ekonomi kapitalis penjajah dilihat tidak jauh berbeza dengan Jackson. Misalnya, beliau menghujahkan bahawa ketiadaan dan ketidaksediaan orang Melayu untuk terlibat sebagai buruh sama ada untuk bekerja di lombong-lombong atau ladang-ladang menyebabkan keperluan terhadap tenaga buruh asing ini meningkat mendadak. Vlieland juga menegaskan bahawa penghijrahan masyarakat Cina dan India tersebut adalah amat penting untuk menggiatkan lagi

³⁵ C. A. Vlieland, *The Population of the Malay Peninsula: A Study in Human Migration*, Geographical Review, Vol. 24, no. 1m, 193. (The Federal Secretariat: Kuala Lumpur, 1934).

pembangunan dan perkembangan ekonomi di Tanah Melayu.³⁶ Oleh kerana penulisan Vlieland hanya tertumpu kepada kepentingan buruh untuk perusahaan perlombongan bijih timah dan perladangan getah, maka penulिसannya itu seperti mana Jackson, masih lagi tidak memberikan gambaran sebenar berkenaan penghijrahan dan peranan Melayu dalam ekonomi di Tanah Melayu amnya serta di Kerian khususnya, semasa penjajahan British.

Namun, dalam menyentuh berkenaan penghijrahan dalam kalangan masyarakat Melayu, Vlieland bersetuju bahawa penghijrahan tersebut sememangnya berlaku sejak sebelum penjajahan British lagi sekalipun beliau tidak membuat penjelasan lanjut berkenaan aspek penghijrahan sebelum penjajahan tersebut. Walau bagaimanapun, perbincangannya terhad kepada penghijrahan masyarakat Melayu dari luar Semenanjung Tanah Melayu sahaja iaitu masyarakat dari Kepulauan Hindia Belanda. Beliau menyatakan bahawa masyarakat dari Kepulauan Hindia Belanda bebas untuk berhijrah masuk ke negeri-negeri di Tanah Melayu. Namun, masyarakat dari kepulauan Sumatera lebih diterima sebagai “*Melayu*” berbanding masyarakat Jawa, Boyan, Bugis dan lain-lain.

Secara keseluruhannya, penulisan oleh Vlieland ini membincangkan berkenaan penghijrahan dalam kalangan masyarakat Melayu dari Kepulauan

³⁶ Sebenarnya, pandangan oleh kedua-dua orang sarjana Barat tersebut berkenaan sikap dan peranan masyarakat Melayu terus dipertahan oleh beberapa orang sarjana tempatan selepasnya seperti Chai Hoi Chan dan Jagjit Singh Sidhu. Chai Hon Chan misalnya menyatakan bahawa orang Melayu tidak boleh dianggap sebagai tenaga buruh kerana mereka tiada motivasi untuk bekerja keras dan mereka lebih suka untuk kekal hidup terasing di kampung-kampung mereka dan mengusahakan sendiri tanah mereka. Maka, British terpaksa mencari alternatif lain untuk memastikan tenaga buruh mencukupi. Dalam hal ini, peranan tersebut telah diisi oleh penghijrah asing Cina dan India. Lihat Chai Hon Chan, *The Development of British Malaya 1896-1909*, (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1967), hlm. 101. Pandangan oleh Sidhu juga tidak jauh berbeza daripada Chan. Sidhu menyatakan rintangan utama kepada eksploitasi ekonomi semasa penjajahan adalah keengganan orang Melayu untuk meninggalkan tempat tinggal dan pekerjaan tradisinya. Justeru itu, British terpaksa mengatasi masalah buruh yang sangat serius itu dengan mengamalkan polisi terbuka terhadap penghijrahan masuk ke Tanah Melayu bagi menarik buruh dari Cina dan India. Lihat Jagjit Singh Sidhu, *Administration in the Federated Malay States 1896-1902*, (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1980), hlm. 6.

Indonesia ke Tanah Melayu serta faktor-faktor penghijrahan masyarakat Cina dan India ke Tanah Melayu sepanjang tempoh penjajahan British di Tanah Melayu. Vlieland juga menegaskan bahawa berlakunya taburan populasi kaum yang berbeza mengikut kawasan dan negeri serta masalah-masalah yang timbul ekoran taburan populasi yang berbeza di Tanah Melayu adalah kesan daripada penghijrahan setiap kaum yang berbeza tertumpu kepada kawasan yang mempunyai kepentingan ekonomi yang berbeza. Maka, perbezaan yang berlaku dalam taburan populasi penduduk dipengaruhi oleh aktiviti ekonominya. Maka, jelaslah bahawa penulisan Vlieland hanya memfokuskan kesan penghijrahan ke atas aspek kependudukan dan masalah-masalah yang timbul kesan daripada penghijrahan dan aktiviti ekonomi yang diceburi oleh masyarakat penghijrah yang berbeza itu.³⁷

Penulisan seterusnya yang menyentuh aspek penghijrahan di Tanah Melayu tetapi secara tidak langsung adalah T. E. Smith. Smith melalui penulisannya yang berjudul "*Population Growth in Malaya, an Analysis of Recent Trends*"³⁸ telah menghujahkan bahawa pertumbuhan pesat populasi penduduk di Tanah Melayu pada peringkat awalnya amat berkaitan dengan aspek penghijrahan. Secara keseluruhannya, penulisan Smith ini memfokuskan perbincangannya ke atas aspek kependudukan dan masalah sosial yang timbul di Tanah Melayu kesan daripada penghijrahan yang berbilang bangsa (Melayu, Cina dan India). Maka, Smith seperti mana Vlieland dan Jackson masih tidak membincangkan kesan penghijrahan terutamanya penghijrahan

³⁷ Sebenarnya, jurang sosioekonomi turut berlaku dalam kalangan etnik yang sama. Misalnya kekayaan adalah tidak merata dalam kalangan Melayu pun. Hal ini dapat dilihat daripada kewujudan golongan yang mampu memiliki tanah dan tidak mampu memiliki tanah di kawasan yang majorinya adalah Melayu. Lihat perbincangan pada subtopik 5.4, hlm. 310-314.

³⁸ T. E. Smith, *Population Growth in Malaya: an Analysis of Recent Trends*, (London: Royal Institute of International Affairs, 1952).

masyarakat Melayu ke atas aspek sosioekonomi masyarakat Melayu itu sendiri. Maka, penulisan Smith sebenarnya tidak jauh berbeza dengan penulisan Vlieland.

Selain daripada sarjana-sarjana barat tersebut, terdapat dalam kalangan sarjana tempatan sendiri yang turut membincangkan aspek penghijrahan di Semenanjung Tanah Melayu. Misalnya, Tunku Shamsul Bahrin. Namun, berbanding dengan sarjana barat yang lebih memfokuskan kepada penghijrahan masyarakat China dan India di Semenanjung Tanah Melayu, beliau melalui penulisannya yang berjudul "*The Growth and Distribution of the Indonesian population in Malaya*."³⁹ memfokuskan perbincangannya kepada aspek penghijrahan masyarakat Melayu di Semenanjung Tanah Melayu iaitu masyarakat Melayu dari Kepulauan Indonesia. Melalui penulisan ini, beliau menghujahkan penghijrahan masuk masyarakat Melayu dari Kepulauan Indonesia hanya menjadi fenomena selepas tahun 1911 apabila berlakunya peningkatan mendadak dalam jumlah penghijrah masyarakat Melayu dari Kepulauan Indonesia ke Tanah Melayu pada tahun tersebut. Menurut beliau lagi, penghijrahan masuk masyarakat Melayu dari Kepulauan Indonesia ini sebenarnya telah direkodkan oleh British sejak awal pemerintahannya di Negeri-Negeri Selat. Namun jumlah penghijrah Indonesia ini adalah sedikit sahaja dan pertumbuhannya juga perlahan berbanding dengan penghijrah dari Cina untuk tempoh masa sehingga tahun 1911. Beliau menyatakan kadar kematian yang tinggi dalam kalangan peneroka-peneroka awal merupakan faktor yang menyebabkan berlakunya kadar pertumbuhan yang perlahan dalam jumlah penghijrah Indonesia sebelum tahun 1911.

Menurut beliau lagi, peningkatan mendadak dan maksimum dalam jumlah penghijrah Indonesia di Tanah Melayu adalah seiring dengan perkembangan kebun-

³⁹Tunku Shamsul Bahrin, "The Growth and Distribution of the Indonesian population in Malaya", dalam *Bijdragen To de Taal, Land En-Volkenkunde*, deel 123.

kebun kecil dan bantuan kerajaan penjajah British terhadap program penanaman padi. Sektor penanaman padi merupakan sektor yang paling menarik minat penghijrah Indonesia. Menjelang tahun 1957, jumlah penghijrah Indonesia di Tanah Melayu telah meningkat sebanyak dua kali ganda dari tahun 1911. Pada tahun 1911, jumlah penghijrah Indonesia berjumlah 117,600 orang dan pada tahun 1957, jumlahnya adalah sebanyak 342,600 orang. Namun, jumlah penghijrah Indonesia ini adalah berbeza mengikut negeri-negeri di Tanah Melayu. Perak, Selangor dan Johor merupakan antara negeri yang menerima jumlah penghijrah Indonesia dalam jumlah yang sangat tinggi.⁴⁰ Keseluruhannya, kajian beliau ini memfokuskan kepada pertumbuhan dan taburan populasi penghijrah dari Kepulauan Indonesia di seluruh Tanah Melayu dengan menekankan kepada peluang ekonomi yang ada di negeri-negeri Semenanjung Tanah Melayu sebagai faktor utama yang menggerakkan penghijrahan dalam kalangan Melayu Indonesia ke Tanah Melayu dalam tempoh masa yang dibincangkan tersebut.

Penulisan seterusnya oleh sarjana tempatan berkaitan dengan penghijrahan Melayu di Tanah Melayu adalah oleh Khazin Mohd. Tamrin yang berjudul *Orang Jawa di Selangor: Penghijrahan dan Penempatan 1880-1940*.⁴¹ Tidak seperti penulisan sebelum ini iaitu oleh Jackson, Vlieland dan Tunku Shamsul Bahrin yang hanya memfokuskan perbincangan mereka kepada alasan ekonomi semata-mata sebagai alasan penghijrahan, penulisan oleh Khazin turut menumpukan perbincangannya kepada alasan sosial selain daripada alasan ekonomi. Selain daripada perbincangannya yang menyeluruh, kekuatan penulisan ini adalah penggunaan sumber lisan oleh pengkaji iaitu temu bual dengan individu yang terlibat dengan penghijrahan

⁴⁰ Tunku Shamsul Bahrin, "The Growth and Distribution of the Indonesian population in Malaya", hlm. 275.

⁴¹ Khazin Mohd Tamrin, *Orang Jawa di Selangor: Penghijrahan dan Penempatan, 1880-1940*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987).

tersebut secara langsung. Penggunaan sumber lisan ini telah memberikan gambaran yang tidak mampu diperoleh daripada fail-fail dan catatan-catatan rasmi kerajaan British. Namun, penulisannya itu seperti mana penulisan Tunku Shamsul Bahrain, fokus perbincangannya berkaitan penghijrahan masyarakat Melayu tersebut adalah berkaitan dengan penghijrahan masyarakat Melayu dari luar Semenanjung Tanah Melayu iaitu dari Kepulauan Indonesia sahaja.

Penulisan berikutnya oleh Khazin yang tidak kurang pentingnya dalam membincangkan berkenaan penghijrahan dalam kalangan masyarakat Melayu adalah berjudul "*Tradisi Merantau: Perlunya Diberi Perhatian dalam Kajian dan Penulisan Sejarah Malaysia*".⁴² Artikel oleh beliau ini membincangkan kepentingan penghijrahan dalam penulisan sejarah Malaysia kerana pembangunan negara yang wujud pada hari ini amat berkait rapat dengan aspek penghijrahan. Beliau menghujahkan, ekoran terlalu banyak tumpuan diberikan kepada peranan dan sumbangan kaum penghijrah asing semasa penjajahan telah menyebabkan timbulnya persepsi yang menyedihkan berkenaan peranan masyarakat Melayu sendiri dalam pembangunan ekonomi negara. Menurut beliau lagi, amalan dan tradisi "*merantau*" amat signifikan dan telah lama diamalkan dalam masyarakat Melayu. Maka penghijrahan bukanlah suatu perkara asing dalam kalangan masyarakat Melayu. Secara keseluruhannya, artikel ini menjelaskan betapa signifikannya tradisi "*merantau*" dalam menggalakkan penghijrahan masyarakat Melayu.

Penulisan berikutnya yang membincangkan berkenaan penghijrahan di Tanah Melayu adalah oleh Ooi Keat Gin yang berjudul "*Mereka Datang untuk Berdagang dan Bermastautin: Perkembangan Pulau Pinang sebagai Bandar Raya Pelabuhan*

⁴² Khazin Mohd Tamrin, "Tradisi Merantau: Perlunya Diberi perhatian dalam Kajian dan Penulisan Sejarah Malaysia".

Kosmopolitan 1780-an-1880-an."⁴³ Penulisan oleh Ooi ini sangat menarik dalam membincangkan aspek penghijrahan masuk ke Pulau Pinang kerana beliau melihat perdagangan sebagai agen penting kepada penghijrahan dalam kalangan masyarakat pelbagai latar belakang sosial dan ekonomi ke Pulau Pinang terutama selepas pengambilan Pulau Pinang oleh Light. Menurut Ooi, pada peringkat awal, aktiviti perdagangan telah membawa pedagang-pedagang daripada pelbagai latar belakang itu datang ke Pulau Pinang semata-mata untuk berdagang. Namun akhirnya, kedudukan Pulau Pinang sebagai pelabuhan bebas, pemberian geran tanah yang liberal, undang-undang dan arahan serta keyakinan terhadap pentadbiran British telah membawa ramai peneroka dari pelbagai latar belakang sosial dan ekonomi ke kota kara tersebut. Begitu juga, tujuan awal untuk berdagang akhirnya berubah bentuk kepada bermastautin secara tetap apabila berlakunya perkahwinan campur pedagang-pedagang tersebut dengan wanita tempatan.

Secara keseluruhannya, penulisan oleh Ooi menghujahkan bahawa perkembangan perdagangan yang telah "mengangkat" Pulau Pinang sebagai bandar raya pelabuhan kosmopolitan akhirnya membawa kepada kepelbagaian etnik di negeri tersebut. Kepelbagaian etnik ini mempunyai ciri, sifat atau trait sosiobudaya dan tradisinya yang tersendiri telah mewujudkan perbezaan identiti yang sangat jelas dalam kalangan komuniti yang berbeza. Kepelbagaian ini bukan sahaja disebabkan oleh perkahwinan campur antara pedagang pelbagai bangsa dengan wanita tempatan, tetapi juga turut disumbang oleh gabungan sistem kepimpinan mengikut kaum yang berbeza (misalnya, masyarakat Cina dan Keling dengan sistem kapitannya),

⁴³ Ooi Keat Gin, "Mereka datang untuk berdagang dan bermastautin: Perkembangan Pulau Pinang sebagai Bandar Raya Pelabuhan Kosmopolitan 1780-an-1880-an", dalam *Warisan Wilayah Utara Semenanjung Malaysia*, Ooi Keat Gin, ed., (Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2012).

pengkhususan tugas dalam aktiviti ekonomi, sebaran komuniti dalam ruang serta sistem pendidikan yang berbeza mengikut kaum.

Sebenarnya, perdagangan di Negeri-negeri Melayu Utara Pantai Barat Tanah Melayu (Perak, Kedah dan Pulau Pinang), bukanlah bermula semata-mata selepas pengambilan Pulau Pinang oleh Light. Sebaliknya, perdagangan sudah bermula sejak sebelum pengambilan tersebut lagi. Namun, tidak dapat dinafikan pengambilan Pulau Pinang telah merancakkan lagi proses perdagangan dan aktiviti ekonomi di Pulau Pinang dan negeri-negeri yang berjiran dengannya. Secara keseluruhannya, penulisan oleh Ooi menonjolkan faktor ekonomi sebagai faktor utama penghijrahan dalam kalangan masyarakat dari pelbagai latar belakang budaya, ekonomi dan sosial ke Pulau Pinang termasuk dalam kalangan masyarakat Melayu.

Penulisan berikutnya yang membincangkan penghijrahan dalam kalangan Melayu adalah oleh Wan Hashim Wan Teh. Berdasarkan kepada penulisannya yang berjudul *Rumpun Melayu: Teori Migrasi dan Diaspora*,⁴⁴ beliau telah membahaskan dengan terperinci berkenaan teori migrasi berkenaan asal usul rumpun Melayu. Beliau juga telah membuat satu kesimpulan baharu berkenaan asal-usul masyarakat Melayu. Beliau menghujahkan bahawa masyarakat Melayu bukanlah berasal dari Yunnan, Selatan China dan menolak sama sekali teori migrasi dari Utara ke Selatan tersebut. Hujah penolakan teori tersebut dibuat berdasarkan kepada penemuan-penemuan arkeologi zaman prasejarah yang terdapat di Kepulauan Melayu terutamanya di Tanah Melayu dan bahan artifak budaya serta hasil kajian sedia ada mengenai masyarakat dan kebudayaan kesemua kumpulan etnik yang terdapat di Wilayah Kunming.

⁴⁴ Wan Hashim Wan Teh, *Rumpun Melayu: Teori dan Migrasi dan Diaspora*.

Sebaliknya, beliau menyatakan kebarangkalian rumpun Melayu itu sebenarnya berasal dari Timur Tengah.

Selain itu, beliau juga turut menyentuh berkenaan faktor-faktor yang mendorong kepada penghijrahan tersebut dan juga keadaan-keadaan yang menyebabkan wujudnya faktor yang berbeza terhadap kewujudan penghijrahan. Menurut beliau, penghijrahan rumpun Melayu sebelum penjajahan berlaku sama ada untuk tujuan mencari atau membuka penempatan baharu atau untuk tujuan perdagangan. Berdasarkan kepada hujah oleh Wan Hashim, beliau dilihat bersetuju dengan pendapat Ooi bahawa perdagangan juga merupakan aspek penting yang mendorong kepada berlakunya penghijrahan. Walaupun pandangan Wan Hashim berkenaan faktor perdagangan ini berbeza latar masa dan fokus perbincangannya dengan apa yang diketengahkan Ooi, isu pokoknya masih lagi sama iaitu faktor perdagangan juga merupakan salah satu aspek penting yang mendorong kepada berlakunya penghijrahan. Selain daripada perdagangan, beliau juga turut menyetengahkan faktor menuntut ilmu agama dan menyebarkannya sebagai salah satu unsur penting penghijrahan. Namun, kajian oleh Wan Hashim Wan Teh tertumpu kepada penghijrahan rumpun Melayu keluar dari Alam Melayu.

Penulisan seterusnya berkenaan penghijrahan dalam kalangan Melayu adalah oleh Mochtar Naim. Mochtar Naim dalam penulisannya yang berjudul *Merantau: Pola Migrasi Suku Minangkabau*⁴⁵ telah membincangkan berkenaan penghijrahan keluar masyarakat Minangkabau sama ada di Kepulauan Sumatera dan keluar dari Kepulauan Sumatera termasuk Tanah Melayu. Penulisan oleh Mochtar ini merupakan satu penulisan yang menarik untuk meneliti dan lebih memahami aspek penghijrahan

⁴⁵ Mochtar Naim, *Merantau: Pola Migrasi Suku Minangkabau*.

dalam kalangan etnik Minangkabau. Melalui kajian ini juga, Mochtar telah menggunakan konsep “*merantau*” dengan jelas bagi membincangkan berkenaan penghijrahan dalam kalangan masyarakat Minangkabau.

Beliau menghujahkan bahawa struktur sosial suku Minangkabau itu sendiri merupakan faktor penting kepada berlakunya penghijrahan keluar masyarakat Minangkabau dari petempatan asal mereka. Struktur sosial yang memberatkan sebelah ibu dan sifat bersuku-suku dalam kalangan etnik Minangkabau telah menyebabkan masyarakat Minangkabau ini berhijrah atau dalam erti kata lain “*merantau*”. Dalam struktur yang memberatkan sebelah ibu atau *matrilineal* ini, bapa bukanlah anggota keluarga dalam erti kata sebenarnya sama ada kepada keluarganya sendiri ataupun keluarga sebelah isterinya. Sebaliknya si bapa hanyalah dianggap sebagai tetamu dan diperlakukan sebagai tetamu yang mana tujuan utama perkahwinan adalah semata-mata untuk memperoleh keturunan. Hal ini menyebabkan si ibu dan anak perempuan adalah lebih berhak dari segi perwarisan harta benda. Struktur sosial yang menjadi adat kepada etnik Minangkabau yang jelas bertentangan dengan hukum dan undang-undang Islam inilah yang menyebabkan berlakunya penghijrahan keluar oleh kaum lelakinya. Penghijrahan ini berlaku sama ada dengan tujuan untuk mengukuhkan ekonomi si lelaki terbabit ataupun si lelaki terbabit tidak mahu berpegang kepada struktur sosial dan undang-undang adat yang bertentangan dengan ajaran Islam sebenar.

Di Semenanjung Tanah Melayu sendiri, penghijrahan keluar dari Pagarruyung, Minangkabau, ini ditonjolkan dengan jelas oleh Ahmad Murad Merican dalam penulisannya yang berjudul, *Batu Uban: Sejarah Awal Pulau Pinang*.⁴⁶ Dalam

⁴⁶ Ahmad Murad Merican, *Batu Uban: Sejarah Awal Pulau Pinang*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015), hlm. 56-105.

penulisan ini, Ahmad Murad dalam membincangkan Batu Uban sebagai petempatan terawal Melayu di Pulau Pinang, mengaitkan pembukaan petempatan awal tersebut dengan penghijrahan masuk masyarakat Melayu Minangkabau. Menurut beliau, Haji Muhamad Salleh atau turut juga dikenali sebagai Nakhoda Intan, walaupun mempunyai hubungan dengan kerabat diraja Minangkabau, mengambil keputusan untuk berhijrah keluar dari petempatan asalnya di Minangkabau selepas berlakunya pertelingkahan antara golongan adat dengan golongan yang mahu kembali mengikut ajaran Islam. Haji Muhammad Salleh inilah yang mula-mula meneroka dan membangunkan Batu Uban sebagai petempatan awal masyarakat Melayu di Pulau Pinang iaitu selewat-lewatnya 52 tahun sebelum pengambilan Pulau Pinang oleh Francis Light pada tahun 1786.⁴⁷

Maka, jelaslah bahawa, faktor sosial memainkan peranan yang sangat penting dalam menggerakkan penghijrahan keluar masyarakat Minangkabau dari petempatan asalnya di Kepulauan Sumatera. Walaupun penggunaan istilah “*merantau*” adalah lebih sinonim dalam menggambarkan penghijrahan masyarakat Minangkabau, istilah ini juga turut diguna pakai secara meluas dalam kalangan Melayu yang berhijrah atas pelbagai tujuan. Maka, ia secara tidak langsung menyumbang kepada pemahaman berkenaan tema kajian ini iaitu penghijrahan bukanlah sesuatu yang asing dalam kalangan Melayu sama ada atas alasan ekonomi, sosial mahupun politik.

Seterusnya, karya yang membincangkan berkenaan penghijrahan adalah oleh Andrew Hardy yang berjudul “*Red Hills: Migrant and the State in the Highlands of*

⁴⁷ Ahmad Murad Merican mengandaikan kawasan Batu Uban mula diterokai sekitar tahun 1730-an atau lewat 1720-an. Namun terdapat perbezaan dari aspek pentarikhan yang diberi oleh Ahmad Murad Merican ini dengan Mahani Musa. Mahani Musa mengandaikan petempatan yang terletak di Batu Uban ini dibuka di antara tahun 1710 hingga 1734. Lihat Mahani Musa, “Sejarah awal Pulau Pinang sebelum 1786”, dalam *Sejarah Awal Pulau Pinang, ed.*, Muhammad Haji Salleh, (Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2008), hlm. 30.